

**PM, keluarga jamu seleradi Little India Café**  
**Kosmo Online**  
**1 April 2013**

PETALING JAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan keluarga semalam meluangkan masa pada hujung minggu untuk menjamu selera bersama orang ramai di sebuah restoran di pusat beli-belah di sini.

Najib yang kelihatan santai dengan berbaju-T berwarna putih bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan anak-anak iaitu Norashman Razak dan Nooryana Najwa serta tunangnya, Daniar Nazarbayev memilih kedai makan 'Little Penang Cafe' yang menawarkan masakan asli penjaja Pulau Pinang untuk menjamu selera.

Antara pesanan makanan yang dibuat Perdana Menteri dan keluarganya ialah asam laksa, laksa kuah lemak Siam, *Aromatic Chicken Set* dan *Penang Hokkien Prawn Mee* berserta milo ais, cincau dan barli dengan pencuci mulut rojak buah.

Hakcipta terpelihara © 2008. KOSMO! Online.

Source:

[http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=0401&pub=Kosmo&sec=Ne-gara&pg=ne\\_04.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=0401&pub=Kosmo&sec=Ne-gara&pg=ne_04.htm)